

Mohamad Sohaimi Man. (2017). Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad kini. *Ideology*, 2(1) : 2-13, 2017

Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad kini

Mohamad Sohaimi Man
Jabatan Arkitek
Fakulti Seni Bina, Perancangan & Ukur
UiTM Cawangan Perak


sohaimi810@perak.uitm.edu.my

Abstrak.

Kesedaran dan keperihatinan masyarakat Melayu terhadap warisan Rumah Tradisional Melayu kini amat penting. Ianya penting untuk pengetahuan generasi kini sebagai bukti kecintaan warisan tradisi sejak dulu. Kepentingan menjaga hakmilik individu atau kelompok secara warisan perlu diberi perhatian wajar. Ini penting untuk menimbulkan rasa cinta dan teruja terhadap khazanah warisan bangsa Melayu itu sendiri maka ini akan mewujudkan kesedaran memulihara dan menyelenggara warisan untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Kesenambungan sejarah dan warisan tidak boleh dipisahkan, sepertimana ungkapan Melayu “isi dan kuku”. Sehubungan itu, masih banyak lagi Rumah Tradisional Melayu menonjolkan kewibawaan berpengaruh di kalangan warisan Melayu dan ini penting untuk diberi perhatian wajar dalam cara menjaga dan mengurus melalui kaedah yang sesuai dengan kehendak masyarakat sekarang. Umpamanya, pengetahuan terhadap rekabentuk pada rumah Melayu lama dan cara memulihara amat penting untuk diketahui oleh peringkat generasi supaya pengabaian boleh dielakkan berlaku pada pewaris atau generasi seterusnya. Oleh itu, bagi mengatasi pengabaian dan kepupusan hak warisan yang sedang berlaku, maka ianya memerlukan pengurusan bersistematik dalam memulihara dan menyelenggara sesebuah bangunan supaya tidak terabai dan pupus dari segi jangka hayatnya. Usaha ke arah perbincangan ini tertumpu kepada rumah-rumah tradisi lama yang masih wujud dan dimiliki oleh sesebuah masyarakat setempat. Perbincangan ini sebagai satu langkah untuk mengenalpasti punca berlakunya kerosakan fizikal disebabkan pengabaian atau keterpinggiran berpunca terbiar, tiada pewaris, tiada penyelenggaraan berterusan, atau sebagainya. Sehubungan dengan ini, perbincangan tajuk ini akan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat Melayu kini untuk menjaga dan memulihara warisan senibina Rumah-rumah Tradisional Melayu. Pihak-pihak tertentu seperti Jawatankuasa Kemajuan Kampong (JKKK), Penghulu, Penggawa, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri, Exco Pembangunan Negeri (SDO) dan Pihak Berkuasa Tempatan boleh berperanan untuk menangani pemuliharaan dan penyelenggaraan warisan tempatan dan membantu individu atau masyarakat setempat dalam mengurus. Sejurus itu, satu garis panduan baru dalam memulihara dan menjaga hakmilik Rumah Tradisional Melayu boleh diketengahkan di peringkat ummu. Ini boleh dicadangkan untuk dilaksanakan di semua agensi tempatan di serata negeri di

Malaysia malah boleh melibatkan kerjasama dengan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Keseniaan dan Warisan (KeKKWa). Ada kemungkinan satu peruntukan khas boleh dikemukakan dalam Akta Warisan Negara sedia ada untuk mencapai matlamat perbincangan ini.

Kata-kata kunci : kepupusan hakmilik warisan , pengurusan bersistematik, pemuliharaan , penyelenggaraan , kesedaran individu dan masyarakat setempat.



Pengenalan/Definisi/Prinsip Pemuliharaan/Kaedah Pengukuran/Kepentingan (seni dan rekabentuk) dan Kesimpulan

Definisi Terma/Konsep :

Pemuliharaan : Semua proses melihatkan kepada suatu tempat yang mana mempunyai kepentingan Kebudayaan,

Penyelenggaraan : Kerja-kerja yang dilakukan untuk menjaga atau memulihkan setiap kemudahan iaitu setiap bahagian tapak, bangunan dan kandungannya kepada sesuatu tahap yang diterima (BS 3811)

Falsafah : Pengetahuan tentang pengertian-pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi.

Budaya : Tamadun, peradaban, cara kelakuan (berfikir dsb), kemajuan (akal budi).

Signifikan perbincangan : Pengabaian atau ketepinggiran Rumah Tradisional Melayu Lama (RTM) di sekitar tempat tinggal masih wujud dan masih berfungsi maka perlu kepada pemuliharaan dan penyelenggaraan berterusan.

Pendahuluan

Masih terdapat Rumah Tradisional Melayu yang menonjolkan kewibawaan berpengaruh di kalangan masyarakat Melayu kini memerlukan perhatian wajar sebagai warisan Melayu yang perlu dijaga dan diurus secara terbaik . Kesedaran dan keperihatinan masyarakat Melayu terhadap warisan Rumah Tradisional Melayu kini perlu dipantau supaya ianya tidak terpinggir dan pupus ditelan usia. Generasi kini yang sedang membangun bersama arus pembangunan moden perlu didedahkan kepentingan warisan tradisi yang mempunyai nilai dan boleh dihargai sehingga kini.

Bahan binaan dari kayu merupakan bahan asas yang terdapat pada Rumah Tradisional alam bina Melayu. Ini kerana kayu pada masa itu mudah didapati dan merupakan bahan binaan yang boleh diganti atau diperbaharui. Satu fakta yang jelas ialah kayu merupakan bahan binaan yang telah lama digunakan (Wong, 2006) dan

mendominasi rumah-rumah tradisional alam bina Melayu. Biar pun telah berusia melebihi 100 tahun, terdapat sebahagian struktur rumah kayu yang masih bertahan dan menjalankan fungsinya seperti biasa tanpa membahayakan penghuninya. Oleh itu, kaedah memulihara dan menyelenggara secara sistematik perlu dirancang supaya pengabaian rumah-rumah kayu tradisi lama boleh dielakkan dari kepupusan di dalam masyarakat Melayu sekarang.



Sehubungan dengan itu, rata-rata kajian banyak menyentuh dan membicarakan hubungan budaya hidup sesebuah masyarakat yang ada kaitan dengan falsafah senibina tradisional seperti masjid, wakaf dan rumah kediaman. Begitu juga bangunan-bangunan pada zaman penjajah masih wujud seperti bangunan-bangunan kolonial seperti rumah kedai, kota-kota penjajahan dan pelbagai lagi, maka dalam konteks pemuliharaan warisan sejarah. “*Antara warisan kebudayaan yang perlu dipelihara adalah bangunan yang mempunyai nilai sejarah, seni bina dan budaya yang tinggi. Secara prinsipnya, bangunan dipelihara melalui kerja pembaikan dan pengubahsuaian tanpa merosakkan struktur asal atau merubah keaslian bangunan.*” (A.Ghaffar Ahmad, 2007). Sebuah bandar warisan mempunyai fakta sejarah dan latarbelakang tersendiri dan peninggalan seni bina tersendiri. Ia memberi peranan penting dalam memajukan industri pelancongan kerana fakta sejarah dan latarbelakang sesuatu tempat memberikan maklumat yang berguna kepada para pelancong mahupun generasi akan datang. Maklumat ini menjadi lebih kukuh lagi dengan adanya kesan dan bahan peninggalan sejarah seperti bangunan lama, kota atau kubu, monumen dan artifak.

Rumah Tradisional Melayu mempunyai nilai-nilai seni rekabentuk yang ketika dahulu merupakan suatu tanda kemegahan seni ketukangan yang boleh dilihat di kampung-kampung masyarakat Melayu. Kini permandangan tersebut telah berubah dengan adanya pembangunan moden untuk menggantikan rumah-rumah yang usang. Ada kemungkinan, sebab berlakunya perkara demikian kerana peninggalan disebabkan faktor-faktor berikut :

1. 1. peninggalan waris tanpa pewaris lain
2. 2. tiada pengawasan, atau keinginan untuk menjaga, menetap dan memulihara
3. 3. kesan terbiar dan berlakunya reput dan usang
4. 4. punca fizikal dan kesan biologikal
5. 5. pembangunan moden
6. 6. berlaku penghijrahan
7. 7. perubahan pada rekabentuk asal
8. 8. kurang kesedaran individu atau masyarakat dalam menilai erti senibina Melayu lama

Perubahan nilai turut dipengaruhi dengan kehilangan sebahagian besar tukang-tukang mahir yang tidak ada gantinya.

Perkaitan Isu

Hubungan sosial dan politik terkini mempunyai kaitan dengan warisan sejarah, budaya, kehidupan masyarakat dan persekitaran di sesebuah tempat. Urutan dari ini, banyak perkara boleh dibincangkan terutamanya dalam aspek warisan Melayu yang kian terabai dan ini berlaku akibat dari perubahan persekitaran bersama pembangunan yang kurang seimbang dan pengaruh politik yang berbeza.

• - Pengabaian budaya

Satu rencana terbitan Utusan Malaysia, 28 Julai 2008, membangkitkan satu isu berkaitan warisan Melayu terabai yang berlaku di Pulau Pinang. “Senarai tempat dalam Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) di Pulau Pinang walaupun mencatatkan masjid Melayu Jalan Aceh dan Masjid Kapitan Keling tetapi tidak memperlihatkan pengwujudan orang Melayu dari segi sejarahnya sebagai golongan terawal yang datang di pulau ini” (Ismail Hashim Yahya, 2008), jelas menunjukkan kepada

masyarakat bahawa ianya satu penyingkiran budaya secara tidak sedar yang sedang berlaku. Ini mengaitkan dengan cengkaman kukuh dari segi sejarah yang membolehkan sesuatu kaum itu menuntut hak mereka dari segi kuasa dan bukti mengenai pengwujudan mereka dari segi penempatan.

Satu petikan ungkapan lain menjelaskan bahawa, “ warisan berbentuk budaya iaitu sejarah peninggalan generasi terdahulu yang dipulihara pada masa sekarang iaitu artifak berbentuk objek seperti bangunan, kubur kampung dan seumpamanya untuk tatapan sekarang dan manfaat generasi akan datang “ (Ismail Hashim Yahya , 2008).

- - ***Kepentingan pemuliharaan***

Petikan Rencana keluaran Berita Minggu , 27 Julai 2008, menjelaskan bahawa perancangan meliputi sistem pengurusan warisan lebih professional, pengurusan trafik, pengurusan pelancongan, garis panduan konservasi yang memperaktikan pemuliharaan bangunan sedia ada serta pembinaan bangunan atau infrastruktur dan insentif konservasi. Pembabitan badan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk tempatan penting juga penting untuk menyokong memulihara warisan ketara dan tak ketara di kedua bandar ini (Majlis Perbandaran dan majlis Perbandaran Pulau Pinang), menurut Mohd Shafie Apdal (Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan), walaupun ungkapan ini menjurus kepada proses pemuliharaan bandaraya bersejarah, maka masyarakat setempat dan juga individu mempunyai tanggungjawab bagi mengekalkan hakmilik warisan yang masih ada di negara ini.

- - ***Kesesuaian masa depan***

“ *Malaysian architecture today, mesmerized by modernity, does not even look at local traditions where solutions can still be found and further developed for contemporary living requirements. Traditional architectural forms, such as their tropically-suited roofs and harmonious proportions with meaningful decorative elements can still be relevant and useful for the future* ” (Ahmad Najib Ariffin , 2005).

Persoalan timbul dalam perbincangan ini; apakah senibina Melayu lama masih wujud dan sejauhmanakah kita dapat menghayatinya dan bagaimana unsur-unsur sejarah, falsafah dan konsep rumah tradisi ini **boleh dipulihara dan dikekalkan secara berterusan.**

- - ***Kekurangan penyelidikan terhadap penjagaan Rumah Tradisional Melayu***

Kini terdapat banyak kajian yang telah dibuat terhadap Rumah Tradisional Melayu bagi tujuan dokumentasi. Kebanyakan kajian yang dibuat secara lansung memfokuskan kepada pengaruh senibina dan pembinaan Rumah Tradisional Melayu sahaja. Amat kurang kajian yang dijalankan terhadap cara mengurus dan memulihara Rumah Tradisional Melayu. Akibat daripada kurangnya kajian terhadap aspek penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu, maka tidak ramai orang yang mempunyai pengetahuan meluas bagi kerja-kerja baik pulih Rumah Tradisi Melayu bagi tujuan pengekalan warisan senibina. Malahan juga, didapati kurang sumber rujukan dan pendokumentasian terhadap kerja-kerja penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Negara ini. Akibatnya, jikalau tidak diambil tindakan dan perhatian yang sewajarnya, maka dikhuatiri kewujudan Rumah Tradisional Melayu yang mempunyai warisan senibina yang tinggi nilainya akan hilang ditelan zaman.

- - ***Pencegahan***

Di United Kingdom, kajian aplikasi terhadap struktur kayu adalah dilakukan oleh Building Research Establishment, seperti kajian keberkesanan terhadap langkah pencegahan **radon** (Scivyer & Noonan, 2001). Di Malaysia, kajian berbentuk aplikasi adalah kurang dilakukan dan usaha-usaha ke arah ini sedang giat dilakukan oleh FRIM, Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan beberapa agensi lain dalam merangka untuk mempromosikan penggunaan kayu dalam industri binaan. Perbincangan ini juga berkongsi maklumat yang sama dengan penyelidik-penyelidik tempatan dan juga agensi-agensis berkaitan seperti yang disebutkan (Ahmad Ramly, 2006).

Prinsip dan Kepentingan

Mengenaipasti punca pengabaian yang sedang berlaku terhadap Rumah Tradisional Melayu ialah dengan memastikan **faktor-faktor dan punca berlakunya pengabaian** sama ada dari faktor manusia atau fizikal atau kedua-duanya akan menjadikan faktor penentu untuk merangka kaedah pemuliharaan secara lebih sistematik dalam mengekalkan struktur bangunan kayu lama .

“ Diagnosis kerosakan amat penting bagi menjelaskan kerosakan. Apakah yang menyebabkan kerosakan terjadi seterusnya dan tahap atau keadaan sebenar bangunan dapat dinilai. Mengenali dan mengenalpasti apakah kerosakan pada bangunan amatlah penting. Hasil dari kajian dokumentasi kajian *dilapidasi* dan penyiasatan bangunan terdapat empat aspek yang perlu dilihat melalui proses diagnosis iaitu: punca dan kesan kerosakan, lokasi yang seri muncul (dilihat), tanda-tanda kerosakan atau “symtom” dan cadangan pembaikan seperti mencuci, mengikis ,meneguh dan merawat “ (Siti Norlizaiha Harun, 2006).

Menurut pernyataan, “ *One of the most commonly encountered and accepted Quality Assurance (QA) is the ISO 9000 series scheme. However, this has not been used for timber treatment. What is the alternative to ensure quality treatment? Unfortunately there is no mandatory alternative because timber preservation is not governed by any regulations*”(Hong L.T. , 2006)

Oleh itu dengan adanya satu kaedah dalam mengurus dan menyelenggara yang bersistematik, maka pengabaian atau keterpinggiran Rumah Tradisional Melayu boleh dielakkan. Kaedah tersebut akan digunapakai sebagai **satu garis panduan** untuk menjaga kepentingan warisan budaya, terutamanya bangunan-bangunan warisan sejarah yang dibina dari kayu .

Pemerhatian awal:

- a. **a. Mengenalpasti aspek-aspek yang berkaitan dengan penyelenggaraan** bagi Rumah Tradisional Melayu yang **sedia ada**.
- b. **b. Mengenalpasti punca-punca dan masalah kecacatan** yang dialami Rumah Tradisional Melayu .
- c. **c. Mencadangkan senarai semak (checklist)** untuk **kerja-kerja pemeriksaan** Rumah Melayu Tradisional sedia ada.
- d. **d. Menyedia kaedah kerja-kerja baikpulih dan cara mengatasi masalah kecacatan**
- e. **e. Melengkapkan satu model** untuk dijadikan satu panduan dalam pemuliharaan dan pengekalan rumah-rumah Tradisional Melayu sedia ada (amnya termasuk bangunan-bangunan dari binaan kayu) dan seterusnya dijadikan satu panduan dalam melaksanakan proses penyelenggaraan.

Cadangan

- a. a) Mengetahui falsafah dan budaya melayu pada masa dahulu dalam memelihara Rumah Tradisional Melayu agar terus kekal.
- b. b) Mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan kerosakan dan implikasi akibat daripada kerosakan Rumah Tradisional Melayu tersebut.
- c. c) Mengetahui kaedah yang praktikal dalam memperbaiki Rumah Tradisional Melayu.
- d. d) Mengesyorkan prosedur penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu dalam memelihara dan mengekalkan warisan senibina melayu agar tidak luput ditelan zaman.
- e. e) Mewartakan satu dasar baru dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan kayu yang ada kaitan dengan warisan atau sejarah kesenian.

Pengamatan awal

Melalui observasi menyeluruh , dan mengenalpastikan punca dan masalah yang dihadapi oleh pemilik bangunan (rumah kayu / warisan). Menemui pemilik atau pewaris dan juga tukang-tukang kayu yang berpengalaman dan pakar dalam seni tukang tradisional boleh membantu kajian dan mereka ini akan dijadikan sumber rujukan utama dalam memberi input kajian berkaitan keadaan semasa Rumah Tradisional Melayu .

Peringkat awal kajian lebih menumpukan kepada pemerhatian dan siasatan keadaan fizikal bangunan, mengumpul maklumat , menyediakan senarai semak , mengenal pasti masalah dan punca dan akhirnya membuat prosedur pemeriksaan. Ini akan dilaksanakan mengikut tahap-tahap (*Rujuk Lampiran 2*) yang di bahagikan kepada 3 peringkat proses berikut :

Peringkat Pertama:

- Tahap 1 – Persetujuan pemilik atau pewaris sebelum memulakan siasatan dan pemeriksaan
- Tahap 2 – Pemerhatian awalan merangkumi pengumpulan maklumat bangunan dan sejarah

senibinanya

Tahap 3 – Menyedia senarai senarai semak bagi tujuan pemeriksaan

Tahap 4 – Kaedah atau prosedur pemeriksaan keadaan bangunan

Tahap 5 – Mengenal pasti (Analisa punca & masalah)

Peringkat Kedua:

Tahap 6 – Merupakan Penyediaan Laporan Pemeriksaan (Rekod dan Rujukan Keadaan)

Peringkat Ketiga :

Tahap 7 – Program Penjagaan melalui Model Pengurusan Penyelenggaraan Secara Terancang Rumah Tradisional Melayu

Tahap 7 adalah penyediaan Program Penjagaan secara menyeluruh dan ini merupakan peringkat akhir bagi mencapai matlamat kajian untuk merangka Model Pengurusan Penyelenggaraan Secara Terancang Rumah Tradisional Melayu seperti Rumah Kutai di Perak dan diharapkan boleh diaplikasi di serai negeri di Malaysia. Ini akan dilaksanakan secara lebih berspesifikasi dan sistematik melalui pengawasan bersepadu bersama pihak atau agensi tertentu.

Metodologi kajian peringkat awal akan menentukan aplikasi model (di **Peringkat 3** kajian) akan digunapakai sepenuhnya setelah mengambil kira justifikasi dan komen dari pihak-pihak tertentu seperti ahli akademik , professional, agensi-agensi awam seperti FRIM, MTB, Badan Kebudayaan & Keseniaan , dan orang perseorangan.

Rumusan Awal

Andaian awal kajian menganggap bahawa sebab berlakunya kepupusan Rumah Tradisional Melayu ialah tiada kesedaran oleh individu atau masyarakat setempat akan kepentingan warisan senibina Melayu lama, maka cara untuk memulihara, menjaga dan menyelenggara sesebuah hakmilik warisan ialah menyediakan kaedah pengurusan dan menyelenggara secara lebih bersistematik.

Melalui andaian di atas, rumah-rumah melayu lama tidak diberi perhatian wajar atau ditinggalkan lebih kepada faktor kemanusiaan dan fizikal dari aspek berikut :

- a. 1. pengabaian
- b. 2. kesedaran
- c. 3. fizikal bangunan
- d. 4. falsafah

Empat (4) faktor di atas mempunyai kaitan sebab berlakunya kepupusan Rumah Tradisional Melayu masa kini. Melalui metodologi kajian , tiga (3) faktor pertama iaitu, pengabaian, kesedaran dan fizikal bangunan akan diukur melalui persepsi masyarakat , pengamatan fizikal (iaitu pemerhatian secara teknikal : bahan, teknik pembinaan) .

Punca kerosakan boleh dilihat melalui pengamatan fizikal sekiranya peringkat persepsi awal tidak memenuhi hasil kajian secara terperinci. Tiga faktor pertama akan dianalisis secara terperinci untuk mencapai hasil kajian ini.

Peranan Masyarakat

Mewujudkan **tanggung jawab bersama** antara pihak pemilik atau sesebuah agensi dalam menyokong **mewujudkan cinta untuk memulihara dan menyelenggara khazanah melayu lama** . Pihak-pihak tertentu bersedia menyediakan dana khas sebagai satu galakan kepada pemilik individu atau kelompok dalam usaha memulihara dan menyelenggara senitampak senibina melayu lama. Ini sesuai dengan peruntukan akta yang tersebut dalam Heritage Acts, 2005 yang lebih komprehensif dalam menyediakan satu mekanisma dari segi khidmat pengurusan , penguatkuasaan, **pembiayaan** dan pengiktirafan kepraktisan.

Kepentingan terhadap pemuliharaan dan penyelenggaraan rumah-rumah warisan tradisi ini boleh **disarankan**

untuk **diwartakan** sebagai suatu asset warisan yang ada dalam masyarakat Melayu. Ini sebagai menyokong bahawasanya warisan senibina Rumah Tradisional Melayu perlu kepada kaedah terancang **dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan . Pengetahuan cara pemuliharaan** kayu lama secara saintifik dan sistematik amat perlu dan metodologi ini perlu kepada pengetahuan generasi akan datang.

Peranan bersama oleh pihak-pihak tertentu seperti Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK), Penghulu, Penggawa , Pejabat Daerah dan Tanah Negeri , Exco Pembangunan Negeri (SDO) dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani pengabaian warisan tempatan dan membantu individu atau masyarakat setempat dalam mengurus dan menyelia dengan menggunakan garis panduan baru dalam memulihara dan menjaga hakmilik Rumah Tradisional Melayu. Ini boleh dilaksanakan di semua agensi tempatan di serata negeri di Malaysia .

Kesedaran adalah perkara utama perlu ada di kalangan generasi Melayu kini dalam **menjaga harta warisan, kesediaan mengurus dan menjaga kepentingan hakmilik individu** yang perlu diterapkan bersama di dalam sesebuah masyarakat di sesebuah perkampungan yang boleh dijadikan sebagai Perkampungan Warisan dengan adanya warisan hakmilik seperti Rumah Tradisional Melayu . Ini menimbulkan **kesedaran** bersama antara pemilik dan generasi kini dalam membudayakan hakmilik warisan sedia ada melalui kesinambungan oleh waris akan datang. Kecintaan terhadap seni tampak melayu terus “hidup” dalam jiwa bangsa Melayu negara ini .

Penyelenggaraan dan Pemuliharaan berterusan :

Kajian lanjutan dan menyeluruh terhadap harta warisan Melayu perlu diperluaskan dalam semua aspek termasuk dalam bidang pengurusan memulihara dan memelihara terutamanya dalam memulihara asset warisan .

Pengurusan secara berkala perlu diperkenalkan di kampung hakmilik Melayu yang masih wujud Rumah Tradisional Melayu dan seterusnya boleh digazetkan bersama sebagai hakmilik warisan dalam memperkenalkan dan mengekalkan Kampung Warisan selain penumpuan terhadap bandar-bandar bersejarah seperti yang diamalkan sekarang.

Perkara yang sama juga boleh dilaksanakan terhadap hakmilik yang dimiliki oleh kaum-kaum lain seperti Cina , India dan sebagainya yang juga menghadapi masalah yang sama.

Perekodan secara menyeluruh perlu dibuat secara agresif dan didedahkan kepada semua peringkat generasi pelajar sebagai satu kurikulum pembelajaran dan juga sebagai satu koleksi yang bernilai dari hasil warisan senibina Melayu Tradisional warisan budaya terutamanya untuk pengetahuan semua generasi di negara ini.

Namun begitu, beberapa cadangan yang terperinci boleh disarankan dalam perbincangan ini dan ini boleh dilanjutkan kepada usaha memperbanyakkan kajian yang berkaitan Rumah Tradisional Melayu sedia ada di kalangan masyarakat Malaysia dan juga untuk kepentingan ilmiah pada generasi akan datang.

Saranan kajian lanjutan :

a. 1. ***Penyediaan garis panduan mengandungi kaedah-kaedah kerja-kerja penyelenggaraan dan pemuliharaan Rumah Tradisional Melayu untuk menentukan:***

- - cara baikpulih kecacatan
- - kerja baikpulih struktur asal atau kerangka bangunan, tetapi struktur atau elemen seperti dinding , lantai , tingkap merupakan elemen yang tidak kekal dan harus dibina semula mengikut konsep rekabentuk asal.
- - mengekalkan kekuatan struktur yang sedia ada secara penilaian semula mengikut analisa beban struktur jika berlaku sebarang pembaik-pulihan struktur, kaedah gantian minima perlu ditentuka mengikut kekuatan asal struktur.
- - penambahbaikan dari teori-teori baik-pulih bahan kayu untuk kegunaan terkini
- - Garispanduan ini boleh diimplikasi secara menyeluruh untuk pemuliharaan fizikal ruma tradisional melayu lama dan moden

a. 2. ***Konsep pemuliharaan dan pengekalan melalui aplikasi garispanduan yang dicadangkan:***

- - mengekalkan konsep rekabentuk asal tanpa sebarang pindaan melampau bagi mengekalkan identity kesebinaan rumah tradisional melayu

- - pemuliharaan yang dimaksudkan bukan sahaja kerja-kerja penyelenggaraan terhadap fizik; bangunan malah perubahan tempat juga akan mempengaruhi struktur bangunan kayu itu sendiri tetapi secara bagaimana ianya dipulihara atau diselenggara oleh pemilikinya? Ini dijadikan baha contoh atau rujukan pada generasi kini dalam mendapatkan ilmu pengetahuan mengenai ruma tradisional melayu. *Pengekalan* jangkahayat bangunan lama juga dipengaruhi dengan persekitaran dan penggunaannya mengikut keperluan orang ramai.
- - mewujudkan tanggungjawab bersama dengan mana-mana pihak tertentu, dalam menyokong dan menyediakan dana khas dalam memulihara dan menyelenggara khazanah melayu lama dalam menghargai ketamadunan melayu lama dalam senitampak dan sebina lama melayu lama.
- - Mengharmonikan semula inspirasi seni ketukangan melayu tradisional bersama pembanguna moden hari ini selaras dengan dasar kerajaan dalam mengimbangi dasar pembangunan negara tanpa melupai ketuanan melayu yang mempunyai falsafah tersendiri. Keterampilan ini boleh diwar-warka dengan melahirkan generasi warisan yang berjiwa seni tampak melayu dan boleh dijadikan sat ilmiah bagi generasi akan datang.

a. 3. Pengawartaan di peringkat atasan mesti mengujudkan perkara-perkara berikut:


- - Mewartakan satu dasar baru dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan kayu yang ada kaitan dengan warisan atau sejarah kesenian ketukangan sesebuah etnik.
- - Menjaga kepentingan hakmilik individu melalui hakmilik warisan.

Kerangka 1 dan **Kerangka 2** pada muka surat seterusnya menunjukkan Cadangan proses Penyelenggaraan dan Pemuliharaan dan Model Pengurusan Penyelenggaraan Secara Terancang Rumah Tradisional Melayu. Ini merupakan idea yang boleh difikirkan bagi melaksanakan penyelenggaraan dan pengurusan sesebuah rumah tradisional Melayu apabila melibatkan proses dalam sesuatu kajian lanjut.

Kesimpulan

Perbincangan ini akan memberi manfaat ke arah menjuruskan kepada kedudukan senibina Melayu Lama yang masih lagi boleh dilihat di serata negeri dan masih kelihatan teguh di kalangan masyarakat tempatan. Ini merupakan satu aset warisan yang perlu diawasi dan dipulihara. Ini merupakan satu daya tarikan kepada pelawat dalam dan luar negara dalam memahami sesuatu nilai yang terdapat pada senibina tradisi warisan berzaman; dan ianya boleh membantu industri pelancongan negara ini.

Kerangka 1 : Cadangan proses Penyelenggaraan dan Pemuliharaan :



Terma: pengabaian (*neglected*) / kepupusan (*vanished / extinct*), pemuliharaan (*restoration*), selenggara (*maintenance*), kepupusan (*deterioration*)

Kerangka 2: Model Pengurusan Penyelenggaraan Secara Terancang Rumah Tradisional Melayu

- | | |
|----------------|---|
| Tahap 1 | Persetujuan daripada Pemilik untuk kerja-kerja Penyelenggaraan (Kebenaran) |
| Tahap 2 | Pengumpulan Maklumat / Latar Belakang Bangunan(Sejarah Bangunan & Pemerhatian awalan) 3 sampel bangunan) / Data dan Temubual |
| Tahap 3 | Senarai semak (pemeriksaan) dan Keadaan fizikal bangunan) |

Tahap 4	Kaedah pemeriksaan (teknik menentukan keadaan fizikal , elemen dan bahan binaan)
Tahap 5	Mengenalpasti (Analisa punca & masalah) melalui temubual ,maklumat , cara baikpulih (kaedah asal) dan punca fizikal & persekitaran
Tahap 6	Penyediaan Laporan pemeriksaan (Rekod dan rujukan keadaan) (fizikal dan bahan bangunan)

Tahap 7	Penyelenggaraan (program penjagaan) (cth : penjagaan berkala / penjadualan / menggunakan metod atau teknik yang dicadangkan untuk bangunan kayu secara umum)
	Pengurusan Penyelenggaraan Secara Terancang Rumah Tradisional Melayu(program penjagaan) (cth : penjagaan berkala / penjadualan / menggunakan metod atau teknik yang dicadangkan untuk bangunan kayu secara umum)

Rujukan :

- a. 1. A.Ghafar Ahmad (2007), *Mengekal Warisan Dan Membina Identiti Bandar Bersejarah Di Malaysia*, Seminar Kebangsaan Rupabandar Malaysia: Mengekal Warisan Membina Identiti. 28-29 November 2007. UiTM Perak.
- b. 2. Assoc. Prof. Dr Mohd Ariff Jamaluddin (2006), *Understanding Wet Wood, Dry Wood*, Timber Talk Series. 28 February 2006. Kuala Lumpur: Malaysian Timber Council (MTC).
- c. 3. Assoc. Prof. Dr Ahmad Ramly (2006), *Cadangan Penyelidikan ‘Kerosakan Binaan Kayu oleh Serangga Kulat dan Serangga ke atas Rumah-rumah Tradisional Alam Bina Melayu’*, *Universiti Malaya*.
- d. 4. Brian Wood (2007) Department of Real Estate and Construction, Oxford Brookes University, Oxford, UK. Towards innovative building maintenance. Website: www.emeraldinsight.com. Dilawati: 25 Julai 2007.
- e. 5. David S. Watt (1999), *“Building Pathology”*, Bladewell Publishing Company, United Kingdom.
- f. 6. Forest Research Institute of Malaysia (FRIM) (2006). *What We Do-R&D and Consultancy*. FRIM Kuala Lumpur. Website: www.frim.gov.my. Dilawati: 5 Mac 2006: Tarikh Akhir Kemaskini: 3 Mac 2006.
- g. 7. Haris, S.Y. (2001). *Building Pathology: Deterioration, Diagnostic & Intervention*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- h. 8. Hong L.T. (2006), *Preservative Treatment For Timber In Construction*, Timber Talk Series. 28 February 2006. Kuala Lumpur: Malaysian Timber Council (MTC).
- i. 9. Hong L.T. (2006), *Preservative Treatment For Timber In Construction*, Timber Talk Series. 28 February 2006. Kuala Lumpur: Malaysian Timber Council (MTC).
- j. 10. Peter Ross (2002), *“Appraisal and Repair of Timber Structures”*, Thomas Telford Publishing. London.
- k. 11. Wong, T.M, Hamidah Abdullah (2006), *Bits and Pieces of Termites*, Timber Talk Series. 28 February 2006. Kuala Lumpur: Malaysian Timber Council (MTC).
- l. 12. Wong, T.M, (2006), *Biodeterioration of Wood*, Timber Talk Series. 28 February 2006. Kuala Lumpur: Malaysian Timber Council (MTC).
- m. 13. Wong, T.M, (2006), *Understanding The Nature of Wood*, Timber Talk Series. 28 February 2006. Kuala Lumpur: Malaysian Timber Council (MTC).

Journal:

- a. 1. Ahmad Najib Ariffin (2005), *“Our Disappearing Timber Houses: Tradition is Treasure-Learn Before Its Lost”*, Design Lecture Series 2005 (Lecture 07), PAM Centre, Kuala Lumpur, 24 September 2005.
- b. 2. Siti Norlizaiha Harun (2000), *“Prinsip dan Proses Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Di Malaysia”*, The Malaysia Surveyor Journal, Jun 2006.